

Dr M mahu ahli MIC bersemangat tinggi

BH 29 NOV 1984

ALOR STAR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata, ahli-ahli MIC mestilah mempunyai semangat yang tinggi, bertanggungjawab dan berdisiplin untuk menggunakan kemudahan yang ada demi kebaikan parti dan Barisan Nasional.

Beliau berkata demikian dalam buku cenderamata sempena perletakan batu asas bangunan MIC Kedah, di Jalan Sultan Badlishah di sini, yang akan dirasmikannya petang esok.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa mempunyai kemudahan seperti bangunan ibu pejabat, hanyalah salah satu alat untuk membantu menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Dengan adanya kemudahan yang baik dapatlah mereka bertugas dengan lebih licin dan sempurna.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin dengan adanya bangunan baru itu kelak, MIC Kedah akan berjaya melaksanakan kegiatannya secara yang lebih selesa dan aktif.

Sementara itu Menteri Kerja Raya Datuk S. Samy Vellu mensifatkan upacara itu sebagai satu peristiwa bersejarah dalam MIC negeri ini kerana ia dilakukan oleh Perdana Menteri.

Beliau yang juga Presiden MIC berkata, upacara itu menandakan MIC Kedah kini lebih kukuh di kalangan kaum India, khasnya di kalangan Barisan Nasional Negeri.

Menteri itu berharap apabila bangunan itu siap, ia akan menjadi pusat kegiatan politik MIC Negeri ini dan menjalankan tanggungjawab lebih besar dan penting dalam politik negeri dan tanahair.